



JABATAN PENDIDIKAN TINGGI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN  
SKIM GERAN PENYELIDIKAN  
JANGKA PANJANG (LRGS)  
(PINDAAN TAHUN 2016)**

---

BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT (BPKI)  
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
ARAS 7, NO.2, MENARA 2  
JALAN P5/6, PRESINT 5  
62200 PUTRAJAYA  
NO.TEL. : +603 – 8870 6959 / 6974 / 6975  
NO. FAKS : +603 – 8870 6867  
EMEL : [lrgsbpki@mohe.gov.my](mailto:lrgsbpki@mohe.gov.my)

---

## KANDUNGAN

Visi dan Misi Penyelidikan Fundamental	3
<b>BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)</b>	<b>4</b>
1.1 Falsafah	4
1.2 Definisi	4
1.3 Tujuan	4
1.4 Nic Penyelidikan	5
1.5 Syarat-syarat Permohonan	5
1.6 Peraturan Permohonan	7
1.7 Kriteria Penilaian	8
1.8 Peraturan Kewangan	8
1.9 Hasil Penyelidikan	11
1.10 Pengumuman Tarikh Buka dan Tutup Permohonan	13
<b>BAHAGIAN 2 (PENILAIAN)</b>	<b>14</b>
2.1 Penilaian Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang	14
<b>BAHAGIAN 3 (PEMANTAUAN)</b>	<b>15</b>
3.1 Implementasi Projek	15
3.2 Pengawalan Projek	15
3.3 Penalti	17
<b>BAHAGIAN 4 (KEPUTUSAN)</b>	<b>19</b>
4.1 Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan	19
<b>BAHAGIAN 5 (LAIN-LAIN)</b>	<b>20</b>
5.1 Lain-lain	20
<b>BAHAGIAN 6 (PERANAN)</b>	<b>20</b>
6.1 Ketua Program	20
6.2 Ketua Projek	20
6.3 Penyelidik	21
6.4 Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)	21
6.5 Jawatankuasa Penilaian	21
6.6 Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)	21

# **VISI DAN MISI PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL**

## **Visi**

Penyelidikan fundamental yang berdaya saing untuk transformasi ilmu dan kecemerlangan negara

## **Misi**

Membudaya, memperkasa dan melestarikan kapasiti penyelidikan berimpak tinggi bagi menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap perkembangan bakat, peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baru dan penyuburan peradaban yang dinamik.

# BAHAGIAN 1

## PERMOHONAN

### 1.1 FALSAFAH

Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) berupaya mempromosi kecemerlangan dalam penyelidikan yang mengembangkan sempadan ilmu, terutama dalam bidang-bidang *cutting edge* bagi nic yang telah dikenalpasti.

LRGS dapat membina kerjasama keserakan merentasi pelbagai institusi dan bersifat multi disiplin, bagi meletakkan Malaysia dalam peta dunia dari segi penyelidikan fundamental dalam nic-nic tertentu.

### 1.2 DEFINISI

LRGS adalah penyelidikan fundamental yang melibatkan skop lebih ekstensif; dan tempoh masa yang panjang serta memerlukan komitmen yang tinggi.

LRGS boleh menghasilkan teori dan idea baru yang terkehadapan dalam nic-nic yang strategik untuk perluasan sempadan ilmu.

### 1.3 TUJUAN

Penyelidikan ini bertujuan untuk memantapkan kecemerlangan dalam penjana teori, idea baru dan penciptaan yang inovatif yang terkehadapan dalam nic-nic yang strategik demi perkembangan sempadan ilmu.

## 1.4 NIC PENYELIDIKAN

Permohonan Nic LRGS adalah terbuka kepada semua kluster penyelidikan yang berimpak tinggi dan strategik kepada Negara dan tidak terhad kepada **LAPAN (8)** nic seperti berikut:-

- 1.4.1 Pemanasan global (*Global Warming*)
- 1.4.2 Penyakit berjangkit (*Infectious Disease*)
- 1.4.3 Penyakit tropika (*Tropical Disease*)
- 1.4.4 Keselamatan makanan (*Food Security*)
- 1.4.5 Keselamatan tenaga & air (*Energy & Water Security*)
- 1.4.6 Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)
- 1.4.7 Pembuatan termaju dan tambah nilai (*Advanced & Value Added Manufacturing*)
- 1.4.8 Kesejahteraan Masyarakat (*Societal Wellbeing*)

## 1.5 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Geran ini terbuka kepada kakitangan akademik Institusi Pendidikan Tinggi dengan syarat-syarat berikut:-

- 1.5.1 Penyelidikan terbuka kepada semua Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dan Universiti Cawangan.
- 1.5.2 Program mestilah melibatkan sekurang-kurangnya tiga (3) institusi.
- 1.5.3 Program mestilah bersifat multi disiplin, melibatkan korpus ilmu sains & teknologi dan sains sosial & kemanusiaan.
- 1.5.4 Hanya warganegara Malaysia boleh menerajui program LRGS.
  - 1.5.4.1 Kakitangan akademik tetap / kontrak (Profesor dan Profesor Madya).
  - 1.5.4.2 Bagi kakitangan bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara bertaraf tetap.

- 1.5.5 Permohonan dari Universiti Cawangan perlu mematuhi syarat-syarat berikut:
- 1.5.5.1 Hanya warganegara Malaysia boleh menerajui program LRGS.
  - 1.5.5.2 Penyelidikan dan penghasilan bakat mestilah dilakukan dalam negara.
- 1.5.6 Setiap pemohon dibenarkan mengemukakan hanya satu permohonan program pada setiap fasa.
- 1.5.7 Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan iaitu RM3 juta setahun.
- 1.5.8 Tempoh Penyelidikan
- 1.5.8.1 Tempoh Penyelidikan adalah di antara tiga (3) hingga lima (5) tahun.
  - 1.5.8.2 Pemantauan dilakukan setiap tahun. Sekiranya program tidak memperlihatkan kemajuan yang sepatutnya ianya boleh ditamatkan.
  - 1.5.8.3 Penyambungan tertakluk kepada kecemerlangan prestasi / output dan kecukupan dana.
- 1.5.9 Kakitangan yang bercuti belajar tidak dibenarkan menjadi Ketua Program/Ketua Penyelidik. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan.
- 1.5.10 Ketua Program/Ketua Penyelidik yang berpindah universiti hendaklah melepaskan kedudukan sebagai ketua. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan penyelidikan berkenaan.

## 1.6 PERATURAN PERMOHONAN

Permohonan untuk Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang akan melalui dua (2) fasa seperti berikut:

1.6.1 Pengajuan kertas konsep untuk penilaian awal

1.6.2 Permohonan lengkap menggunakan **Borang LRGS-A1(R)-Program dan LRGS-A1(R)-Projek** bagi kertas konsep yang telah berjaya.

1.6.3 Proses Permohonan

1.6.3.1 Permohonan untuk Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang perlu dibuat melalui sistem atas talian yang terkini dari Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi.

1.6.3.2 Pembentangan kertas konsep oleh Ketua Program bersama ketua-ketua projek akan dinilai oleh Panel Penilai yang dilantik oleh KPT. Keputusan penilaian adalah muktamad.

1.6.3.3 Bagi permohonan kertas konsep yang telah disenarai pendek hendaklah menghantar borang permohonan lengkap menggunakan LRGS-A1(R) dan LRGS-A1(R)-Projek (Borang Permohonan Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang bagi Ketua Program dan Ketua-ketua Projek dalam Program) yang terkini daripada Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi.

1.6.3.4 Semua permohonan LRGS termasuk kertas konsep hendaklah disemak dan diperakukan oleh Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) universiti yang menerajui program. Setiap permohonan program dan projek mestilah melalui RMC universiti masing-masing.

1.6.3.5 Laporan semakan hendaklah dikemukakan kepada pihak Urus Setia LRGS, KPT bersama borang permohonan

tersebut. Hanya permohonan yang disokong oleh pihak RMC sahaja yang perlu dihantar ke KPT.

- 1.6.3.6 Bagi projek penyelidikan yang dibiayai oleh LRGS bersama sumber lain, penyelidik mestilah mengisytiharkan semua pembiayaan yang diperolehi bagi projek tersebut.

## 1.7 KRITERIA PENILAIAN

- 1.7.1 Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan fundamental yang dapat menghasilkan suatu teori, idea baru dan penciptaan yang inovatif yang terkehadapan dalam nic yang strategik demi perkembangan sempadan ilmu; dan
- 1.7.2 Penyelidikan yang dapat memantapkan kecemerlangan dan mengembangkan sempadan ilmu, terutama dalam bidang *cutting edge*, khususnya nic yang telah dikenalpasti; dan
- 1.7.3 Penyelidikan yang merangkumi isu-isu kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejagat; atau
- 1.7.4 Penyelidikan yang benar-benar berpotensi untuk menyumbang kepada agenda strategik negara.

## 1.8 PERATURAN KEWANGAN

### 1.8.1 **Vot 11000**

#### Upah dan Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)

- 1.8.1.1 Upah dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) sahaja. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2300 untuk pelajar PhD dan RM1800 untuk pelajar sarjana atau mengikut garis panduan IPT.



## 1.8.2 **Vot 21000**

### Perjalanan dan Pengangkutan

1.8.2.1 Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.

1.8.2.2 Perjalanan ke luar negara (berdasarkan kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian) perlu memenuhi kriteria di bawah:-

- a. Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Penyelidik utama dan ahli sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik siswazah hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja.
  - i. Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan/seminar/bengkel/kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan dan sangkutan dalam konteks jaringan penyelidikan.
  - ii. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.
  - iii. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan IPT masing-masing.
  - iv. Untuk menghadiri persidangan dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan, sebanyak sepuluh peratus (10%) dari jumlah peruntukan projek dibenarkan.

1.8.2.3 Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 25% daripada jumlah keseluruhan projek.

### 1.8.3 **Vot 24000**

#### Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

### 1.8.4 **Vot 27000**

#### Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

### 1.8.5 **Vot 28000**

#### Baik pulih kecil dan ubahsuai

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.

Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.

### 1.8.6 **Vot 29000**

#### Perkhidmatan Ikhtisas

- a. Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

- b. Perkhidmatan Khas / Belanja Pakai Habis  
Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek sekali sahaja untuk mempelajari teknik-teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah sekurang-kurangnya dua (2) minggu dan tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan (b) tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran.

#### 1.8.7 **Vot 35000**

##### Aksesori dan Peralatan

Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling Perbendaharaan.

Tidak dibenarkan membeli peralatan komunikasi yang tidak berkaitan langsung dengan projek penyelidikan.

Jumlah yang dipohon pula tidak melebihi 40% dari peruntukan geran.

## 1.9 **HASIL PENYELIDIKAN**

### 1.9.1 **Bakat**

Setiap program penyelidikan yang dipohon mesti menghasilkan bakat seperti mana yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia – Pendidikan Tinggi (PPPMPT). Program LRGS disyaratkan dapat melatih sekurang-kurangnya 10 orang pelajar PhD.

## **1.9.2 Penerbitan**

Setiap program mesti menghasilkan sekurang-kurangnya 50 penerbitan dalam jurnal berindeks di mana **10 darinya adalah Q1**. Penghargaan kepada geran LRGS mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

## **1.9.3 Hak Milik Harta Intelekt**

1.9.3.1 Setiap program LRGS perlu menghasilkan sekurang-kurangnya tiga (3) IP. Penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelekt di dalam Negara dahulu sebelum ke peringkat antarabangsa. Harta Intelekt hasil geran LRGS menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan IPT berkenaan.

1.9.3.2 Pengurusan Harta Intelekt adalah menjadi tanggungjawab IPT berkenaan.

## **1.9.4 Hasil Pengkomersilan**

1.9.4.1 Sebarang hasil pengkomersilan dari program penyelidikan yang dibiayai oleh LRGS dan sumber lain hendaklah dikongsi bersama mengikut pecahan pembiayaan geran dan sumbangan dalam bentuk lain bagi program tersebut.

1.9.4.2 Untuk IPTA, hasil pengkomersilan perlulah diagihkan mengikut Polisi Pengkomersilan sedia ada.

1.9.4.3 Untuk IPTS, perincian hak milik pengkomersilan hendaklah dipersetujui dalam klausa kontrak.

## **1.10 PENGUMUMAN TARIKH BUKA DAN TUTUP PERMOHONAN**

### **1.10.1 Tarikh Buka dan Tutup Permohonan**

Pihak KPT akan memaklumkan tarikh buka dan tutup permohonan Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) melalui surat rasmi kepada IPT.

## **BAHAGIAN 2**

### **PENILAIAN**

#### **2.1 PENILAIAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN JANGKA PANJANG (LRGS)**

2.1.1 Permohonan Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang IPT akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian mengikut bidang-bidang yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang masing-masing.

2.1.2 Pengerusi bagi setiap Jawatankuasa akan memperakukan permohonan program yang telah dinilai kepada Jawatankuasa Induk Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (KPPT) untuk diluluskan.

2.1.3 Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain Garis Panduan JPT, Kementerian Pendidikan Tinggi.

## **BAHAGIAN 3**

### **PEMANTAUAN**

#### **3.1 IMPLEMENTASI PROGRAM/PROJEK**

Semua program / projek yang diluluskan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental Jangka Panjang IPT perlu dipantau dari aspek:-

- i. Prestasi program/projek; dan
- ii. Prestasi kewangan.

#### **3.2 PENGAWALAN PROGRAM/PROJEK**

3.2.1 Setiap IPT yang menjadi peneraju kepada nic perlu mengisi dan menghantar kepada Urus Setia LRGS, KPT laporan prestasi dan laporan kewangan program / projek penyelidikan LRGS kepada pihak KPT, setiap tahun. Borang-borang laporan terdiri daripada:-

- i. **Borang LRGS-P1(R)-Program dan Borang LRGS-P1(R)-Projek**
  - LRGS-P1(R) - Program untuk diisi oleh setiap ketua program
  - Borang LRGS-P1(R)-Projek untuk diisi oleh ketua-ketua projek dalam program
  - Borang LRGS-P1(R)-Projek perlu dihantar kepada RMC di IPT masing-masing dan seterusnya dipanjangkan kepada RMC IPT peneraju untuk dikumpul dan dimajukan kepada Urus Setia LRGS;
  - Borang LRGS-P1(R)-Program perlu dihantar kepada RMC IPT peneraju masing-masing dan seterusnya dipanjangkan kepada Urus Setia LRGS dengan menyertakan sekali borang-borang prestasi yang diisi oleh ketua-ketua projek dalam program (Borang LRGS-P1(R)-

Projek) bersama Borang LRGS-P2(RMC) dan Borang LRGS-K1(RMC)

**ii. Borang LRGS-P2 (RMC)**

- Laporan Keseluruhan Geran Penyelidikan Fundamental Jangka Panjang (LRGS) mengikut Fasa bagi setiap IPT peneraju dihantar kepada Urus Setia LRGS, KPT setiap tahun diisi oleh RMC IPT peneraju sebanyak satu (1) Salinan perlu disertakan bersama-sama Borang LRGS-P1(R)-Program dan Borang LRGS-P1(R)-Projek yang diisi oleh ketua-ketua projek dalam program dan Borang LRGS- K1(RMC).

**iii. Borang LRGS-K1(RMC)**

- Ringkasan Prestasi Kewangan bagi Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) mengikut Fasa bagi setiap IPT dan diisi oleh RMC IPT peneraju masing-masing perlu disertakan bersama-sama Borang LRGS-P1(R)-Program dan Borang LRGS-P1(R)-Projek yang diisi oleh ketua-ketua projek dalam program, Borang LRGS-P2(RMC)

- vi. Laporan akhir penyelidikan (berbentuk *hardcopy* dan *softcopy*) perlu dihantar dalam tempoh tiga (3) bulan selepas program disiapkan dengan menggunakan format JPT yang merangkumi:-
- a) Ringkasan penyelidikan dan penemuan
  - b) Laporan Kewangan
  - c) Laporan Aset
  - d) Hasil (disertakan bahan bukti)
    - Bakat (nama individu dan peringkat pengajian)
    - Penerbitan (dalam jurnal yang diiktiraf)
    - Harta intelek



- 3.2.2 Bagi Laporan Prestasi Projek Penyelidikan mengikut milestone bagi setiap enam bulan dan kewangan bagi setiap suku tahun perlu dihantar kepada RMC IPT masing-masing dan ia tidak perlu dikemukakan kepada pihak Kementerian melainkan terdapat arahan khusus mengenainya.
- 3.2.3 Pemantauan tahunan projek adalah dipertanggungjawabkan kepada Jawatankuasa Penilaian di peringkat KPT. Keperluan lawatan tapak bagi tujuan verifikasi akan ditentukan oleh panel penilai.
- 3.2.4 Pengurusan, pemantauan dan pelaporan projek adalah dipertanggungjawabkan kepada RMC setiap IPT.
- 3.2.5 Pengurusan aset adalah di bawah tanggungjawab RMC setiap IPT. Aset adalah menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan IPT dan sebarang pelupusan aset hendaklah mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
- 3.2.6 Semua laporan mesti berdasarkan kepada hasil penyelidikan yang diluluskan sahaja.

### **3.3. PENALTI**

- 3.3.1 Pelaksanaan program/projek mesti dilakukan pada tahap etika dan integriti yang tinggi. Sebarang isu plagiarisme akan dikenakan penalti.
- 3.3.2 Setiap Ketua Program perlu memastikan semua projek mencapai prestasi projek dan kewangan yang memuaskan berdasarkan carta perbatuan yang telah diluluskan
- 3.3.3 Prestasi Program dan Projek perlu mencapai hasil penyelidikan seperti dalam cadangan yang telah diluluskan
- 3.3.4 Jawatankuasa Penilaian Pemantauan Prestasi dan Kewangan LRGS akan mengenal pasti projek lewat jadual/bermasalah dan boleh

memberi Ketua Program/Projek tempoh tertentu untuk mencapai prestasi yang memuaskan sekiranya perlu.

- 3.3.5 Ketua Program dan Ketua Projek yang telah dikenalpasti bermasalah akan disenaraihitam bagi tempoh 2 tahun sebelum diberi kebenaran untuk membuat permohonan geran yang baharu

## **BAHAGIAN 4**

### **KEPUTUSAN**

#### **4.1 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN**

- 4.1.1 Surat kelulusan Projek akan disampaikan kepada IPT dan sesalinan surat kelulusan akan dimajukan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan IPT peneraju.
- 4.1.2 Pembayaran akan dibuat oleh KPT kepada IPT peneraju setelah surat kelulusan LRGS dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diperakukan Jawatankuasa Penilaian LRGS.
- 4.1.3 Keputusan Jawatankuasa Penilaian LRGS adalah muktamad.

## **BAHAGIAN 5**

### **LAIN-LAIN**

#### **5.1 Ketua Penyelidik tidak lagi bertugas di IPT yang diperakukan**

Geran Penyelidikan Fundamental diluluskan dan diperakukan untuk sesebuah IPT. Jika berlaku Ketua Penyelidik tidak lagi bertugas di IPT yang diperakukan maka geran dan harta intelek tersebut masih di bawah kawal selia IPT yang diperakukan.

## **BAHAGIAN 6**

### **PERANAN**

#### **6.1 KETUA PROGRAM**

Ketua Program bertanggungjawab :

- i. Membuat permohonan; dan
- ii. menjalankan penyelidikan sebagaimana permohonan yang telah diluluskan; dan
- iii. menghantar laporan kewangan, prestasi projek dan laporan akhir seperti yang dikehendaki dalam garis panduan LRGS; dan
- iv. mengurus program penyelidikan dan penyelidik.

#### **6.2 KETUA PROJEK**

Ketua Projek bertanggungjawab:

- i. Membuat permohonan; dan
- ii. menjalankan penyelidikan sebagaimana permohonan yang telah diluluskan; dan
- iii. menghantar laporan kewangan, prestasi projek dan laporan akhir seperti yang dikehendaki dalam garis panduan kepada Ketua Program melalui RMC IPT masing-masing; dan
- iv. mengurus projek dan penyelidik.

### **6.3 PENYELIDIK**

Penyelidik bertanggungjawab:

- i. Menjalankan penyelidikan sebagaimana permohonan yang telah diluluskan.
- ii. Penyelidik juga perlu mengemukakan laporan kemajuan penyelidikan setiap 6 bulan sekali dan menghantar laporan akhir kepada RMC.

### **6.4 PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)**

RMC bertanggungjawab:

- i. Memudah cara dan memudah selia aktiviti permohonan; dan pemprosesan seperti yang termaktub dalam Garis Panduan LRGS; dan
- ii. memantau kemajuan penyelidikan selaras dengan garis panduan LRGS; dan
- iii. mengurus aset daripada dana geran penyelidikan.

### **6.5 JAWATANKUASA PENILAIAN**

Panel Penilai bertanggungjawab:

- i. menilai kertas konsep;
- ii. menilai permohonan;
- iii. menilai prestasi projek penyelidikan; dan
- iv. membuat cadangan dan saranan bagi kelangsungan projek berasaskan kepada prestasi.

### **6.6 JABATAN PENDIDIKAN TINGGI (JPT)**

JPT bertanggungjawab:

- i. memastikan kecukupan dan kelestarian dana LRGS; dan
- ii. melantik panel penilai LRGS; dan
- iii. meluluskan serta menawarkan projek kepada penyelidik yang berjaya.

Sebarang pertanyaan/maklumat  
tambahan boleh diajukan kepada:



**URUS SETIA LRGS  
BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT  
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
ARAS 7, NO.2, MENARA 2  
JALAN P5/6, PRESINT 5  
62200 PUTRAJAYA  
NO.TEL.: +603 – 8870 6959 / 6974 / 6975  
NO. FAKS: +603 – 8870 6867  
EMEL: [lrgsbpki@mohe.gov.my](mailto:lrgsbpki@mohe.gov.my)**